



INTERNATIONAL JOURNAL OF EDUCATION, PSYCHOLOGY AND COUNSELLING (IJEPC)

www.ijepec.com



PERANAN IKLIM SEKOLAH TERHADAP KEPERLUAN ASAS PSIKOLOGI: TUMPUAN KEPADA KEPUASAN RASA KECEKAPAN DIRI PELAJAR

*THE ROLE OF SCHOOL CLIMATE ON BASIC PSYCHOLOGICAL NEEDS:
FOCUS TO SATISFACTION COMPETENCE STUDENT SELF*

Norkhafizah Yussuf^{1*}, Hazalizah Hamzah², Razimi Husin³

¹ Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

Email: izahislam@yahoo.com

² Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

Email: hazalizah@fpm.upsi.edu.my

³ Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

Email: razimi@fpm.upsi.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 13.11.2022

Revised date: 28.11.2022

Accepted date: 12.12.2022

Published date: 15.12.2022

To cite this document:

Yussuf, N., Hamzah, H., & Husin, R. (2022). Peranan Iklim Sekolah Terhadap Keperluan Asas Psikologi: Tumpuan Kepada Kepuasan Rasa Kecekapan Diri Pelajar. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (48), 73-88.

DOI: 10.35631/IJEPC.748006

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Iklim sekolah memainkan peranan penting bagi memenuhi keperluan rasa kecekapan pelajar. Iklim sekolah yang terdiri dari sokongan rakan sebaya, guru, pihak sekolah, penerimaan kepelbagaian budaya, peraturan yang jelas, dan melaporkan serta mendapatkan pertolongan merupakan elemen yang dikaji bagi memahami peranannya terhadap terhadap kepuasan rasa kecekapan pelajar. Data yang diperolehi dari pensampelan berstrata yang melibatkan seramai 361 pelajar sekolah menengah di daerah Hilir Perak dianalisis menggunakan pendekatan multivariate yang melibatkan penggunaan teknik Structural equation modeling (SEM). Penemuan yang diperolehi menunjukkan hanya dimensi pihak sekolah, rakan sebaya dan peraturan yang jelas sahaja menyumbang kepada kepuasan rasa kecekapan pelajar. Justeru pemegang taruh seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) perlu meneliti semula keberkesanan program-program yang dilaksana supaya ia dapat dimanfaatkan oleh para pelajar.

Kata Kunci:

Iklim Sekolah, Keperluan Asas Psikologi, Rasa Kecekapan

Abstract:

The school climate plays an important role in meeting students competence. The school climate which consists of relationships with peers connectedness, teacher support, school connectedness, affirming diversity, rules clarity and reporting and seeking help are elements that are studied to understand these elements with a sense of satisfaction student's competence. Data obtained from stratified sampling involving a total of 361 secondary school students in Hilir Perak district were analyzed using a multivariate approach involving the use of Structural equation modeling (SEM) techniques. The findings proved that only elements of school connectedness, peer connectedness and rules clarity contribute to the satisfaction of students' competence. Therefore, stakeholders such as the Malaysian Ministry of Education need to re-examine the effectiveness of the programs implemented so that they can be used by students.

Keywords:

School Climate, Basic Psychological Needs, Student's Competence

Pengenalan

Menurut *Self-Determination Theory* (SDT), setiap manusia mempunyai keperluan asas psikologi yang perlu dipenuhi terdiri daripada keperluan rasa autonomi, kecekapan dan perkaitan (Ryan & Deci, 2000). Berdasarkan SDT keperluan asas psikologi menjadi keperluan manusia sebagai satu motivasi diri untuk pembelajaran, menerima pengalaman hidup, mempunyai jati diri, perkembangan diri dan merasa sejahtera apabila dipenuhi (Enns & Orpana, 2020; Ryan & Deci, 2000). Ketiga-tiga keperluan asas psikologi perlu dipenuhi kerana merupakan keperluan psikologi semulajadi yang ada dalam diri manusia dan boleh dipengaruhi oleh persekitaran (Vansteenkiste et al., 2020). Namun komponen utama keperluan asas psikologi yang dilihat begitu penting dalam konteks kajian pelajar di sekolah ialah keperluan rasa kecekapan pelajar. Keperluan rasa kecekapan bermaksud perasaan kemampuan menguasai sesuatu yang berasaskan kepada keupayaan diri sendiri yang dirasakan mampu untuk mencapai matlamat yang diinginkan dalam pelbagai konteks kehidupan seseorang (Ryan & Deci, 2000). Bagi pelajar di sekolah keperluan rasa kecekapan pelajar menjadi asas utama matlamat pelajar ke sekolah bagi memenuhi keperluan kemahiran akademik, kawalan tingkahlaku dan pengalaman hidup di sekolah melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Hal ini kerana pelajar menggunakan dan mengembangkan kecekapan diri mereka apabila menghadapi situasi sukar atau mencabar ketika berada di sekolah seperti menjawab peperiksaan, pernyertaan dalam pertandingan dan penglibatan diri dalam pelbagai aktiviti sekolah yang lain (Celik, 2018).

Rasa kecekapan yang ada dalam diri membantu pelajar menerokai dan membina apa yang mereka tahu, cara mereka berfikir dan apa yang boleh mereka lakukan. Menurut (Olivier et al., 2020), rasa kecekapan didapati memainkan peranan sebagai mekanisme yang menghubungkan antara tingkah laku dan masalah sosial pelajar. Selain itu, rasa kecekapan yang dipenuhi juga di dapati mendorong pelajar lebih yakin dan aktif dalam subjek pendidikan jasmani (Shen et al., 2018). Maka isu keperluan rasa kecekapan khususnya faktor yang menyumbang kepada rasa kecekapan dipenuhi adalah penting untuk diberi perhatian kerana memberi kesan kepada tingkah laku dan motivasi diri pelajar. Keperluan rasa kecekapan adalah berbeza bergantung kepada umur, jantina dan persekitaran (Deci & Ryan, 2000a). Bagi golongan remaja, di samping rumah, sekolah merupakan tempat kedua yang banyak bagi mereka meluangkan masa untuk menuntut ilmu disamping meningkatkan potensi diri. Oleh itu, iklim sekolah yang baik

merupakan persekitaran positif yang mampu memenuhi kehendak pelajar sekaligus dapat meningkatkan potensi rasa kecekapan dalam diri mereka. Terdapat kajian membuktikan iklim sekolah yang baik bukan sahaja berupaya meningkatkan pencapaian akademik, malah mampu meningkatkan kepuasan rasa kecekapan pelajar (Kalajas-Tilga et al., 2020; Conesa et al., 2022).

Iklim sekolah merupakan gabungan beberapa elemen yang menjadikan sesebuah sekolah mempunyai ciri-ciri unik dan ia tidak terbentuk dengan sendirinya. Iklim sekolah merupakan hasil tindakan kumpulan tertentu di sekolah dalam mengimbangi kehendak individu, sekolah dan juga sistem sosial. Terdapat kajian yang mendapati beberapa dimensi iklim sekolah memberi kesan kepada rasa kecekapan pelajar. Misalnya, (Gaias et al., 2019) mendapati hubungan yang baik dengan pihak sekolah mampu meningkatkan rasa kecekapan pelajar yang berumur 6 hingga 11 tahun di Colombia. Sebelum itu Sergis et al. (2018) mendapati dimensi pengajaran dan pembelajaran menerusi kaedah pembelajaran secara *flipped classroom* turut membantu keperluan rasa kecekapan pelajar di Greece. Kajian lain yang cuba memahami hubungan dimensi-dimensi iklim sekolah dengan keperluan rasa kecekapan pelajar seperti sokongan guru dan peraturan yang jelas (Schultze-Krumbholz et al., 2020), hubungan dengan rakan sebaya (Forsblom et al., 2021) melaporkan dan meminta pertolongan (Doan et al., 2020) dan penerimaan kepelbagaian budaya (Nishina et al., 2019).

Elemen atau dimensi yang terdapat dalam iklim sekolah sangat luas serta dilihat dari pelbagai sudut pandang. Walau pun begitu, Aldridge dan McChesney (2018) menyimpulkan berdasarkan analisis sorotan kajian bersistematik mencadangkan enam elemen kritikal yang perlu dimasukkan bagi mewakili dimensi iklim sekolah iaitu elemen sokongan guru, rakan sebaya, pihak sekolah, kepelbagaian budaya, peraturan yang jelas dan mudahnya melaporkan serta meminta pertolongan. Namun begitu, gabungan elemen yang dicadangkan Aldridge dan McChesney (2018) belum pernah dikaji secara komprehensif terhadap kepuasan rasa kecekapan pelajar dalam satu kajian. Maka kajian ini bertujuan memahami dan menentukan elemen iklim sekolah yang paling memberi impak terhadap kepuasan rasa kecekapan pelajar di Malaysia.

Kajian Literatur Dan Hipotesis

Iklim Sekolah

Menurut Howard et al. (1987) iklim sekolah merupakan keadaan sosial dan budaya sekolah yang mempengaruhi tingkah laku orang di dalamnya. National School Climate Council (2015) pula mentakrifkan iklim sekolah sebagai corak pengalaman yang diterima oleh individu berdasarkan norma, matlamat, nilai, hubungan interpersonal, pengajaran serta pembelajaran, dan struktur organisasi sesebuah sekolah. Dalam konteks Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia (1981) mentakrifkannya sebagai suasana sekolah yang baik di mana keadaan persekitarannya dirasakan selesa, tenteram, mesra, riang dengan pembelajaran yang lancar. Takrifan lain bagi iklim sekolah yang dilihat lebih menyeluruh ialah ciri-ciri yang ada pada fizikal bangunan sesebuah sekolah, keadaan sosial, demografi, kaki tangan sekolah, peraturan sekolah, interaksi interpersonal, kebudayaan, dan nilai-nilai yang dimiliki oleh setiap individu di sekolah (Thapa et al., 2013).

Oleh kerana iklim sekolah terbentuk dari banyak gabungan tertentu, maka mewujudkan iklim sekolah yang kondusif merupakan isu kritikal kerana ia mampu menentukan kesejahteraan pelajar di sekolah (Varela et al., 2019). Iklim sekolah yang harmoni juga menjadi pengantara

kepada komuniti sekolah berasa selamat, berkeyakinan dan bermotivasi serta tidak terasa terancam untuk bekerja dan belajar (Liu et al., 2022). Dengan itu, iklim sekolah yang sihat dilihat berfungsi sebagai pendorong untuk mempromosikan hubungan interpersonal yang sihat, penglibatan diri dalam aktiviti sekolah dan berupaya mencegah keciciran pelajar dalam pembelajaran serta kesejahteraan diri terjamin (Limone & Toto, 2022).

Pada asasnya iklim sekolah diukur melalui empat dimensi iaitu keselamatan, pengajaran serta pembelajaran, interpersonal dan persekitaran institusi (Thapa et al. 2013; Cohen, Jonathan 2009). Namun setelah kajian demi kajian dilakukan iklim sekolah dilihat dari aspek yang lebih luas lagi iaitu hubungan interpersonal sesama pelajar, interpersonal guru-pelajar, pencapaian akademik, kemudahan infrastruktur, peraturan serta disiplin, keselamatan, dan hubungan interpersonal hubungan keterikatan pelajar dengan pihak sekolah, media sosial dan kakitangan sekolah (National School Climate Council, 2020; Aldridge & McChesney, 2018). Berdasarkan dapatan kajian Aldridge dan McChesney (2018) sub-dimensi iklim sekolah terdapat penambahbaikan kerana sub dimensi tambahan yang dikemukakan mempunyai kaitan dengan matlamat sesebuah kajian. Justeru dapat disimpulkan bahawa setiap sub dimensi iklim sekolah yang dikaji mempunyai kepentingan kepada output yang ingin dikaji seperti kesan terhadap kesejahteraan, tingkah laku, daya ketahanan diri, keberhasilan akademik, penglibatan pelajar, aktiviti fizikal dan penyatuan kaum dalam kalangan pelajar.

Keperluan Rasa Kecekanan

Rasa kecekanan merujuk kepada keperluan untuk berinteraksi secara berkesan dengan persekitaran dan peluang mengembangkan kemampuan diri (Deci & Ryan, 2000b). Melalui kepuasan rasa kecekanan yang diperolehi, individu mampu mengurus kehidupan serta berupaya mengatasi masalah yang dihadapi dengan berkesan (Zainuddin & Perera, 2017). Keperluan rasa kecekanan dalam diri merupakan salah satu elemen KAP yang merupakan sebahagian dari kesejahteraan *eudaimonic* (Fanchini et al., 2019; Lambert et al., 2015). KAP diperkenalkan berasaskan kepada SDT (Deci & Ryan, 2000b). Teori ini dibangunkan untuk memahami motivasi dalaman manusia yang memerlukan pertimbangan keperluan psikologi semula jadi untuk memahami rasa perkaitan, kecekanan dan autonomi dalam kehidupan individu (Deci & Ryan, 2000b). KAP dianggap universal tanpa mengira umur, jantina, budaya dan taraf sosial ekonomi (DeHaan & Ryan, 2014). Namun tahap kepuasan KAP dalam diri individu berbeza-beza disebabkan faktor masa, budaya kehidupan, dan pengalaman hidup (Ryan & Deci, 2000). KAP perlu dipenuhi terutamanya elemen rasa kecekanan kerana ia elemen dominan yang menyumbang kepada kesihatan psikologi manusia. Deci dan Ryan (2008) menjelaskan bahawa elemen dari persekitaran seperti ganjaran, peluang, penilaian prestasi dan penghargaan diri didapati cenderung untuk meningkatkan rasa kecekanan individu. Hal ini bererti faktor persekitaran penting dalam menentukan tahap kepuasan rasa kecekanan individu.

Bagi pelajar, kepuasan rasa kecekanan di sekolah sangat penting dalam membantu mereka memperoleh ilmu pengetahuan, menimba pengalaman hidup di sekolah dan saling berinteraksi. Semakin rasa kecekanan pelajar menguasai ilmu, bersosial, dan boleh mengawal emosi, serta semakin mereka berasa sejahtera berada di sekolah (Charlot Colomès et al., 2021; Tian, Zhang, et al., 2016). Dapatan terkini oleh (Chen et al., 2020) juga mendapati keperluan rasa kecekanan menjadi keperluan utama bagi remaja. Melalui pendekatan yang pelbagai semasa aktiviti di sekolah seperti pengajaran dan pembelajaran, bersukan dan aktiviti kokurikulum yang lain, maka pelajar dapat berfikir secara kreatif terhadap ilmu yang dipelajari. Kemahiran baru yang diperkenalkan dan penggunaan peralatan tambahan antara faktor penyumbang peningkatan

kepuasan rasa kecekapan diri pelajar (Niemic & Ryan, 2009). Sehubungan itu, dapatlah disimpulkan bahawa iklim sekolah didapati menjadi penyumbang kepada peningkatan kepuasan rasa kecekapan pelajar semasa mereka berada di sekolah.

Hubungan Iklim Sekolah dengan Rasa Kecekapan

Terdapat banyak kajian yang membincangkan perkaitan elemen iklim sekolah dengan rasa kecekapan pelajar. Misalnya, kajian di Kanada mendapati peranan guru dan suasana bilik darjah sangat membantu kanak-kanak yang mengalami Sindrom Kurang Daya Tumpuan dan Hiperaktif (ADHD) untuk menguasai aktiviti pembelajaran (Rogers & Tannock, 2018). Selain itu sokongan guru terhadap aktiviti pembelajaran terbukti mampu meningkatkan kepuasan ketiga-tiga elemen KAP pelajar (Van Leeuwen et al., 2020; Fierro-Suero et al., 2020; Freer & Evans, 2019). Elemen lain yang turut penting adalah rakan sebaya. Rakan sebaya bukan sahaja menjadi penghibur, bahkan mereka turut membantu meningkatkan kualiti kecekapan dalam aktiviti pembelajaran pelajar. Hal ini terjadi kerana rakan sebaya memberi persaingan kepada pelajar lain untuk sama-sama meningkatkan kecekapan diri. Justeru tidak menghairankan apabila Chu et al., (2020) mendapati rakan sebaya merupakan penentu kepada rasa kecekapan pelajar di Amerika Syarikat. Begitu juga Loeb et al. (2020) mendapati rakan sebaya begitu signifikan mempengaruhi rasa kecekapan sama ada pelajar di sekolah rendah mahu pun menengah.

Hubungan pelajar dengan pihak sekolah juga memainkan peranan penting dalam meningkatkan kepuasan rasa kecekapan pelajar. Hal ini kerana kecekapan pelajar boleh dipertingkatkan dan didorong dengan persekitaran. Calmeiro et al. (2018) mendapati hubungan baik antara pelajar dengan pihak sekolah berupaya meningkatkan kepuasaan rasa kecekapan pelajar. Begitu juga Dinnen et al. (2020) mendapati hubungan harmoni pelajar dengan pihak sekolah turut menyumbang kepada peningkatan rasa kecekapan akademik pelajar yang bermigrasi. Penerimaan kepelbagaian budaya juga turut mempengaruhi kepuasan rasa kecekapan pelajar di sekolah. Hal ini kerana kepelbagaian bangsa atau etnik mempunyai ciri-ciri unik. Justeru tidak hairanlah apabila terdapat kajian yang mengaitkan kepelbagaian budaya dengan tahap kecekapan individu. Misalnya, Jutengren dan Medin (2019) mendapati penerimaan kepelbagaian budaya mempunyai hubungan dengan kepuasan kecekapan pelajar sekolah rendah dalam mata pelajaran bahasa Sweden. Manakala Rucinski et al., (2021) mendapati penerimaan kepelbagaian budaya individu di sekolah bukan sahaja meningkatkan pencapaian pelajar, malah penerimaan kepelbagaian budaya juga menyumbang kepada rasa kecekapan pelajar dalam pelbagai kemahiran di Amerika Syarikat.

Selain meminta pertolongan guru, rakan sebaya mahupun pihak sekolah untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi, memahami peraturan sekolah yang ditetapkan juga mengurangkan risiko pelanggaran disiplin yang ditetapkan. Kejelasan peraturan sekolah sangat membantu pelajar menerima pengalaman hidup untuk lebih berdisiplin dan teratur. Kokkinos dan Hatzinikolaou (2011) mendapati kejelasan peraturan berhubung positif dengan rasa kecekapan pelajar. Begitu juga Schiefele (2017) mendapati kejelasan peraturan dalam kelas turut mempengaruhi kecekapan pelajar ketika sesi pembelajaran di bilik darjah. Di samping itu mudah melaporkan serta mendapatkan pertolongan boleh menjadikan pelajar berasa sejahtera berada di sekolah (Aldridge, Ala'i, & Fraser, 2016). Kajian Duchesne et al. (2019) di Kanada dan Brubacher dan Silinda (2019) di Afrika Selatan mendapati faktor mudahnya membuat aduan serta mendapatkan pertolongan signifikan positif terhadap rasa kecekapan dalam pembelajaran akademik. Sebelum itu, Shim et al. (2016) juga mendapati mudahnya melaporkan dan mendapatkan pertolongan dari guru, rakan sebaya dan pihak sekolah

mempengaruhi rasa kecekapan pelajar menguruskan kehidupan semasa waktu persekolahan. Berdasarkan perbincangan perkaitan dimensi iklim sekolah dengan rasa kecekapan pelajar, maka hipotesis yang diuji adalah seperti berikut:

- H1 Sokongan guru mempunyai pengaruh yang signifikan positif terhadap kepuasan rasa kecekapan pelajar.
- H2 Sokongan rakan sebaya mempunyai pengaruh yang signifikan positif terhadap kepuasan rasa kecekapan pelajar.
- H3 Sokongan pihak sekolah mempunyai pengaruh yang signifikan positif terhadap kepuasan rasa kecekapan pelajar.
- H4 Kepelbagaian budaya mempunyai pengaruh yang signifikan positif terhadap kepuasan rasa kecekapan pelajar.
- H5 Peraturan yang jelas mempunyai pengaruh positif yang signifikan positif terhadap kepuasan rasa kecekapan pelajar.
- H6 Melaporkan dan meminta pertolongan mempunyai pengaruh yang signifikan positif terhadap kepuasan rasa kecekapan pelajar.

Metodologi

Kajian ini melibatkan penyertaan seramai 361 orang pelajar sekolah menengah harian tingkatan 1, 2 dan 4 di daerah Hilir Perak, Malaysia. Jumlah sampel yang terlibat dalam kajian ini berpandukan cadangan Krejcie dan Morgan (1970) saiz sampel minimum berjumlah 361 responden sesuai diguna kerana bilangan populasi pelajar berjumlah 5,100 orang. Pelajar tingkatan 3 dan 5 tidak terlibat dalam kajian ini kerana KPM tidak membenarkan pelajar yang bakal menduduki peperiksaan awam diganggu (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006). Daerah ini mempunyai 14 buah sekolah menengah yang berada di bawah pentadbiran Pejabat Pendidikan Daerah Hilir Perak (Pejabat Pendidikan Daerah Hilir Perak, 2019). Justifikasi daerah ini dipilih kerana kehadiran murid sekolah menengah kurang 95% iaitu kurang dari sasaran yang ditetapkan oleh KPM (Pejabat Pendidikan Daerah Hilir Perak, 2016). Keadaan ini menunjukkan pelajar sekolah menengah di daerah ini berisiko untuk terus tercicir dalam pelajaran. Laporan (Berita Harian, 2017) menyatakan masalah rasa kecekapan pelajar menguasai pembelajaran akademik menjadi punca mereka tidak berminat hadir ke sekolah. Bahkan (Sinar Harian, 2022) melaporkan pelajar di sekolah tidak dapat menguasai mata pelajaran kerana silibus yang tinggi. Hal ini mengurangkan rasa minat pelajar sekaligus menjadi punca mereka tidak hadir ke sekolah. Pelajar juga tidak dapat menyertai apa-apa aktiviti yang dianjurkan oleh pihak sekolah menyebabkan mereka rasa tersisih, bosan dan tidak dihargai. Maka pelajar di Daerah Hilir Perak juga tidak terkecuali menghadapi masalah kurangnya rasa kecekapan dalam diri pelajar untuk menguasai kemahiran akademik, sukan mahupun apa sahaja aktiviti di sekolah yang menjadi punca tidak hadir ke sekolah.

Penyertaan dari pelajar tingkatan 1 seramai 122 orang, diikuti tingkatan 2 seramai 113 orang dan tingkatan 4 seramai 126 orang. Kajian ini melibatkan penyertaan dari 41.27% pelajar lelaki dan bakinya adalah pelajar perempuan. Purata umur pelajar yang terlibat dalam kajian ini adalah 14.40 tahun (SD = 1.28). Kaedah pensampelan berstrata digunakan kerana jumlah pelajar setiap sekolah berbeza dan berdasarkan tingkatan (Ghazali & Sufean, 2015; Chua, 2006).

Instrumen iklim sekolah diadaptasi dari *What's Happening In This School?* (WHITS) (Aldridge & Ala, 2013), melibatkan enam sub konstruk iaitu sokongan guru (6 item), rakan sebaya (5 item), pihak sekolah (5 item), kepelbagaian budaya (4 item), peraturan yang jelas (8

item), dan melaporkan dan mendapatkan pertolongan (8 item). Nilai *cronbach's alpha* bagi sub konstruk tersebut masing-masing adalah 0.87, 0.84, 0.89, 0.92, 0.90, dan 0.91. Kajian terdahulu oleh Aldridge dan Ala,'I (2013) mendapati nilai *cronbach's alpha* bagi masing-masing sub konstruk adalah 0.89, 0.93, 0.90, 0.89, 0.91, dan 0.91. Disamping itu, kajian ini menggunakan 4 item dari sub konstruk rasa kecekapan *Adolescent Students' Basic Psychological Needs at School Scale (ASBPNSS)* (Tian et al., 2014). Nilai *cronbach's alpha* bagi konstruk rasa kecekapan yang diperolehi adalah 0.8, berbanding 0.77 yang diperolehi (Tian et al., 2014). Bagi mengukur instrumen, skala selang 10 peringkat bermula dari 1 (tidak pernah) hingga 10 (sentiasa) diguna pakai kerana pelajar lebih bebas menggambarkan tahap persetujuan serta sesuai dianalisis secara parametrik menggunakan SEM (Zainudin et al., 2016).

Ujian *Confirmatory Factor Analysis (CFA)* secara serentak menjadi pilihan dalam kajian ini kerana lebih cekap berbanding kaedah secara berasingan (Chong, Nazim, & Ahmad, 2014). Setelah dilaksanakan ujian CFA, didapati nilai indeks kesepadanan (*fitness indexes*) bagi *Comparative fit index (CFI)* = 0.895 dan *Tucker-Lewis coefficient (TLI)* = 0.886 belum memenuhi kriteria indeks kesepadanan (*fitness indexes*), ini bermaksud model CFA peringkat awal belum sesuai dianalisis menggunakan model struktur SEM dan perlu dilakukan penambahbaikan. Oleh itu, langkah pertama yang dilaksanakan adalah memastikan data bertaburan normal. Didapati data kajian adalah bertaburan normal kerana nilai *skewness* berada antara -0.998 hingga -0.027. Data dianggap bertaburan normal apabila nilai *skewness* berada antara ± 1.96 (Hair et al., 2010). Langkah kedua pula adalah memastikan pemberat faktor bagi setiap item melebihi nilai 0.6. Oleh kerana nilai pemberat faktor bagi item-item yang mewakili konstruk yang dikaji adalah ≥ 0.6 , ini bermaksud tiada item yang perlu digugurkan disebabkan masalah pemberat faktor. Langkah ketiga pula adalah memastikan nilai *standardized residual covariances* berada antara ± 4 (Hair et al., 2010). Oleh kerana tiada item mempunyai nilai *standardized residual covariances* melebihi ± 4 , maka tiada item yang digugurkan disebabkan masalah *standardized residual covariances* yang tinggi antara item. Langkah terakhir adalah menilai korelasi antara item dalam model CFA. Pengkaji telah menghapuskan item-item yang mempunyai nilai korelasi yang tinggi berdasarkan maklumat di output AMOS –*modification indices (M.I)*. Item-item soal selidik digugurkan satu persatu dimulai dengan item yang mempunyai nilai M.I yang besar, dimulai dengan item PS4, PJ2, MP8, SG2, MP3, dan K1. Nilai indeks kesepadanan bagi model CFA setelah mengugurkan enam item tersebut adalah RMSEA = 0.057 iaitu kurang 0.08, CFI = 0.925 dan TLI = 0.917 melebihi 0.90 serta nilai ChiSq/df = 2.170 iaitu kurang 3.0 (Hair et al., 2010).

Jadual 1 melaporkan nilai *average variance extracted (AVE)* bagi konstruk berada antara 0.518 hingga 0.754 iaitu melepasi had minimum 0.5 (Hair et al., 2010), hal ini menjelaskan model CFA turut memenuhi kriteria kesahan konvergen iaitu nilai AVE mestilah > 0.5 . Dari sudut kesahan diskriminan pula, korelasi antara konstruk berada antara 0.418 hingga 0.683 iaitu kurang dari 0.9 (Kline, 2011), serta nilai korelasi antara konstruk juga kurang dari nilai AVE yang dipunca kuasa dua (ditanda $^{\circ}$). Dalam ujian CFA, pertimbangan dari sudut kebolehpercayaan turut juga dititik berat, ianya dinilai berdasarkan kepada kebolehpercayaan komposit. Nilai kebolehpercayaan komposit (CR) bagi setiap konstruk berada antara 0.800 hingga 0.925 iaitu melepasi had minimum 0.6 (Hair et al., 2010). Oleh kerana semua andaian yang ditetapkan telah dipenuhi, maka dapatlah disimpulkan bahawa data kajian sesuai dianalisis pada peringkat model struktur SEM.

Jadual 1: Kesahan Dan Kebolehppercayaan Model CFA

	CR	AVE	SG	RS	PS	KB	PJ	MP	K
SG	0.873	0.581	0.762^δ						
RS	0.842	0.518	0.448***	0.720^δ					
PS	0.894	0.680	0.599***	0.628***	0.825^δ				
KB	0.925	0.754	0.418***	0.507***	0.597***	0.869^δ			
PJ	0.906	0.580	0.495***	0.457***	0.509***	0.602***	0.761^δ		
MP	0.905	0.613	0.486***	0.478***	0.565***	0.576***	0.647***	0.783^δ	
K	0.800	0.571	0.549***	0.602***	0.683***	0.578***	0.594***	0.563***	0.756^δ

Nota, CR= composite reliability; AVE= average variance extracted; ^δ= square root of AVE; SG= sokongan guru; RS= rakan sebaya; PS = pihak sekolah; KB= kepelbagaian budaya; PJ= peraturan yang jelas; MP= melaporkan dan mendapatkan pertolongan; K= Kecekapan; ***p<0.001; **p<0.01; *p<0.05; ns= tidak signifikan

Nilai *fitness indexes* bagi model struktur turut mencapai tahap minimum yang ditetapkan iaitu nilai RMSEA= 0.057 < 0.08, CFI= 0.925 > 0.90, TLI= 0.917 > 0.90 dan ChiSq/df= 2.170 < 3 (Hair et al., 2010), ini bermaksud keputusan analisis SEM boleh diterima pakai. Nilai R² bagi rasa kecekapan adalah 0.59, ini bermaksud nilai varians rasa kecekapan yang disumbangkan oleh sokongan guru, rakan sebaya, pihak sekolah, kepelbagaian budaya, peraturan yang jelas, dan melaporkan serta mendapatkan pertolongan menyumbang sebanyak 59% nilai varians rasa kecekapan, ini bererti 49% faktor yang menyumbang kepada rasa kecekapan pelajar di daerah ini disumbangkan oleh faktor lain yang tidak dikaji.

Kajian ini mendapati 3 hipotesis signifikan sekurang-kurangnya pada aras 0.05, manakala 3 lagi hipotesis tidak signifikan. Walaupun terdapat 3 hipotesis yang tidak disokong oleh data kajian, ini tidak bermakna penemuan ini tidak bermakna. Hal ini kerana terdapat sebab atau penemuan bermakna yang menjelaskan sebab data kajian tidak menyokong saranan hipotesis yang akan dibincangkan dalam bahagian perbincangan. Berdasarkan jadual 2 pihak sekolah merupakan dimensi iklim sekolah yang paling utama menyumbang kepada kepuasan rasa kecekapan pelajar di daerah ini. Diikuti sokongan rakan sebaya dan peraturan yang jelas. Sebaliknya dimensi melaporkan dan mendapatkan pertolongan, kepelbagaian budaya, dan sokongan guru kurang menyumbang kepada rasa kecekapan pelajar di daerah ini.

Jadual 2: Hubungan Dimensi Iklim Sekolah Terhadap Rasa Kecekapan Pelajar

Pemboleh ubah	β	B	S.E.	C.R.	Nilai-p
Sokongan guru	0.11	.116	.066	1.748	.080
Sokongan rakan sebaya	0.19	.213	.077	2.761	.006
Sokongan pihak sekolah	0.30	.231	.063	3.685	***
Kepelbagaian budaya	0.10	.076	.053	1.443	.149
Peraturan yang jelas	0.20	.211	.079	2.668	.008
Melaporkan dan mendapatkan pertolongan	0.06	.051	.058	.878	.380

Perbincangan

Berpandukan SDT, kepuasan rasa kecekapan pelajar menjadi satu keupayaan untuk pelajar mengawal kehidupan mereka di sekolah, menangani masalah tertentu dengan berkesan, dan

membuat perubahan pada tingkah laku mengikut persekitaran. Iklim sekolah yang baik mampu meningkatkan atau mengurangkan rasa kecekapan pelajar untuk menguasai keperluan dan kehendak mereka. Banyak kajian membuktikan guru memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan akademik pelajar (Ayllón et al., 2019; Primana et al., 2019). Namun sebaliknya sebelum itu, Wong dan Siu (2017) mendapati guru tidak menyumbang kepada rasa kepuasan pembelajaran dalam kalangan pelajar di China. Begitu juga satu kajian secara temubual yang dilaksana terhadap pelajar di Jerman turut mendapati guru kurang membantu dalam meningkatkan daya kecekapan pembelajaran disebabkan teknik pengajaran yang kurang menarik (Dettweiler et al. 2017). Kajian ini juga mendapati sokongan guru kurang menyumbang kepada kepuasan rasa kecekapan pelajar di daerah Hilir Perak. Dari perspektif pelajar, dapatan kajian ini menggambarkan sokongan guru di daerah ini masih belum memadai untuk meningkatkan kepuasan rasa kecekapan mereka di sekolah. Sehubungan itu, para guru perlu lebih kreatif dan berinovasi dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan (PDPC) seperti mengamalkan Pembelajaran Abad ke 21 (PAK 21). PDPC yang menarik dan mudah difahami dapat meningkatkan minat murid untuk terus menerokai subjek yang dipelajari. Namun sejauhmana guru-guru konsisten mengamalkan PAK 21 perlu dipantau dan diberi penilaian oleh pihak berwajib. Sekiranya perlu kepada bantuan pihak pemegang taruh membimbing guru maka latihan khusus perlu diberikan berkaitan profesionalisma pedagogi secara berkala mengikut kehendak keperluan semasa dan dinilai dari sudut pandang pentadbir dan juga pelajar sama ada berkesan atau pun tidak

